

**Aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)
2013-2025 Terhadap Hala Tuju Kecemerlangan Bidang
Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)**

**¹Yusmarwati Yusof, Rohayu Roddin, Sarebah Warman, &
Nor Azyyati Deraman**

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

¹marwati@uthm.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 terhadap hala tuju kecemerlangan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Kajian yang dijalankan adalah kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Seramai 100 orang Pegawai Pendidikan Daerah dari 12 buah Pejabat Pendidikan Daerah dipilih sebagai responden. Empat zon Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat adalah zon selatan (Batu Pahat, Kluang, Seremban, dan Kuala Pilah), zon timur (Pasir Puteh, Bachok, Setiu, dan Kuala Terengganu). Dua zon lagi adalah zon utara yang terdiri daripada Alor Setar dan Kangar, dan zon tengah yang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kuala Selangor. Kajian ini menggunakan borang soal selidik berskala Likert lima-mata yang diadaptasi daripada instrumen Kajian Persepsi PPPM Kitaran 2, 2013. Kaedah analisis data yang digunakan adalah berbentuk deskriptif dan peratusan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) Versi 21.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PPPM 2013-2025 merupakan aspirasi, panduan, dan hala tuju pegawai pendidikan dalam mentransformasi dan mengarusperdana bidang PTV. Para pegawai pendidikan mempunyai tahap pengetahuan yang

tinggi terhadap kandungan pelan PPPM. Mereka juga berpendapat bahawa program yang dilaksanakan oleh pihak KPM adalah menepati dan mengikut aspirasi pelan yang telah dibangunkan dan menaruh keyakinan terhadap perkembangan PTV melalui pelaksanaan PPPM 2013-2025. Kajian ini diharapkan dapat menjadikan PPPM atau program seumpamanya yang diperkenalkan oleh kementerian dapat menjadi panduan dalam mengurusperdanakan pendidikan di Malaysia terutamanya dalam bidang Teknik dan Vokasional agar seiring dengan perkembangan bidang lain.

Kata Kunci: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), kecemerlangan PTV

Pengenalan

Pendidikan ialah penyumbang utama kepada pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, Malaysia perlu melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa untuk melonjakkan pencapaian semua pelajar.

Oleh itu, pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21 dan peningkatan harapan ibu-bapa serta masyarakat terhadap Dasar Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Pelan ini menyediakan kerangka

pembangunan yang menyeluruh untuk menzahirkan transformasi sistem pendidikan secara pantas dan mapan sehingga tahun 2025.

Transformasi pendidikan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 antara lain bermatlamat mengarusperdanakan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) untuk melahirkan tenaga manusia berkemahiran tinggi dan fleksibel bagi menghasilkan pekerja yang inovatif, kreatif, dan berdaya saing selaras dengan keperluan semasa. Oleh itu, KPM mula menyahut cabaran memperkasakan bidang PTV kerana ekonomi negara sekarang amat memerlukan sumber manusia yang inovatif, kreatif, dan berkemahiran tinggi serta mempunyai sahsiah yang terpuji (Emat, 1993). Dalam PPPM 2013-2025, bidang PTV menjadi antara agenda utama negara dalam usaha untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Pelaksanaan transformasi PTV memerlukan hala tuju yang jelas bagi memastikan kesempurnaan pelaksanaannya sebagai proses berterusan dalam menjana intelek, akhlak, dan potensi individu yang mempunyai keperibadian luhur dari segi jasmani dan rohani. Maka, keperluan hala tuju kecemerlangan PTV ini penting untuk diketengahkan supaya pelaksanaannya dapat disempurnakan dan seterusnya mencapai matlamat seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Oleh itu pihak-pihak yang terlibat secara lansung dalam pentadbiran pendidikan perlu memahami dan mendalami matlamat PPPM ini agar hasrat tersebut dapat disampaikan dengan berkesan kepada semua institusi pendidikan termasuk semua penghuni institusi tersebut.

Latar Belakang Masalah

Berdasarkan sejarah, pendidikan PTV sebenarnya sudah lama bertapak di bumi Malaysia tetapi disebabkan tiada jabatan yang jelas bagi memastikan kesempurnaan pendidikan PTV, menyebabkan sistem pendidikan ini dipandang sepi dan dianggap pendidikan kelas

kedua di mana ketika itu bidang ini hanya menjadi pilihan apabila seseorang murid itu kurang cemerlang dari segi akademik (Emat, 1993).

Dasar Pendidikan Negara adalah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya dengan menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi (Ordinan Pelajaran, 1957). Beberapa strategi pelaksanaan telah digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan yang telah ditetapkan dan antaranya melibatkan PTV iaitu dengan memperluaskan laluan pendidikan PTV melalui penyusunan semula kurikulum Sekolah Vokasional pada tahun 1978. Bermula pada titik tolak itulah Bahagian PTV berusaha mengatur perancangan dan strategi untuk menaik taraf bidang PTV. Namun begitu, hasrat jabatan ini tidak selari dengan KPM yang lebih mengutamakan bidang kurikulum akademik berbanding kemahiran. Sehingga pada tahun 2011, KPM telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap PTV dengan mengumumkan transformasi PTV bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam mengisi perancangan dan keperluan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan seterusnya mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 (KPM, 2013). Tambahan lagi, pelan pendidikan KPM yang dilancar dan dilaksanakan sebelum ini tidak mengutamakan bidang PTV dan PPPM 2013-2025 yang dilancarkan pada tahun 2013 merupakan satu-satunya pelan pendidikan yang meletakkan transformasi mengarusperdanakan bidang PTV dalam anjakan pertama hala tuju misi pendidikan negara.

Dengan berpandangan positif kepada bidang PTV serta beranggapan bidang ini sebagai persediaan untuk kerjaya yang mencabar, berpendapatan tinggi dan sebagai laluan untuk meneruskan pendidikan serta kerjaya dengan jaminan kerja lebih baik merupakan satu trend baharu dalam pasaran buruh di alaf baharu (Wancott, 2000). Oleh itu, sekolah aliran teknik dan vokasional

dilihat sebagai saluran untuk menyediakan pelajar untuk kerjaya pada masa hadapan. Persepsi ini mula berubah secara beransur-ansur kerana bilangan graduan aliran teknik dan vokasional telah berjaya mencari pekerjaan selepas tamat latihan dan mendapat gaji yang setanding dengan graduan yang mengikuti latihan akademik. Peningkatan yang sama juga dapat dilihat dalam peluang laluan kerjaya untuk graduan teknik dan vokasional adalah lebih baik berbanding graduan dari sekolah akademik biasa (Jabatan Statistik Organisasi Tenaga Buruh, 2009).

Oleh itu, untuk melaksanakan transformasi PTV memerlukan hala tuju yang jelas bagi memastikan kesempurnaan pelaksanaannya sebagai proses berterusan dalam menjana intelek, akhlak, dan potensi individu yang mempunyai keperibadian luhur dari segi jasmani dan rohani. Maka, keperluan hala tuju kecemerlangan PTV ini penting untuk diketengahkan supaya pelaksanaannya dapat disempurnakan dan seterusnya mencapai matlamat seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti pengetahuan para pegawai pendidikan terhadap PPPM 2013-2025.
- ii. Mengenal pasti persepsi para pegawai pendidikan terhadap pelaksanaan PPPM 2013-2025.
- iii. Mengenal pasti perkembangan program-program yang dilakukan oleh KPM untuk mentransformasi PTV melalui pelaksanaan PPPM 2013-2025.

Sorotan Penulisan

Kementerian Pendidikan Malaysia Tonggak Peneraju Pendidikan Teknik dan Vokasional

Semasa ucapan perasmian di Karnival Kolej Vokasional Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 2013 telah merumuskan bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) dan Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional (PSTPV 2011-2020) perlu dijadikan asas kepada lonjakan pantas untuk mengarusperdanakan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) di semua peringkat dan tahap (KPM, 2013). Dalam PPPM 2013-2025, maklumat ini ada dinyatakan dalam anjakan pertama. Antara isi kandungan anjakan pertama adalah memperluas akses dan meningkatkan kualiti laluan pendidikan, bermula dengan pendidikan vokasional yang mana kementerian akan meningkatkan kualiti pendidikan vokasional melalui kerjasama dengan sektor swasta bagi mendapat kelayakan yang diiktiraf oleh industri dan meningkatkan latihan guru (KPM, 2013).

Oleh itu, KPM sebagai tonggak peneraju sistem pendidikan negara haruslah menterjemahkan pelan ini dengan menyediakan laluan pengajian tinggi, pengiktirafan profesion, dan penyediaan modal insan negara.

Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia

Malaysia kini berada pada peringkat pertengahan dan sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Sepanjang fasa 15 tahun pertama, banyak kemajuan telah dicapai dalam pelbagai bidang. Namun, perubahan pesat dunia hari ini menuntut Malaysia untuk segera berubah agar mampu melonjak ke tahap maju (Esa, Hassan, Hashim, & Hadi, 2009). Fasa tersebut juga telah menengahkan bidang pendidikan yang masih memerlukan penambahbaikan dan perhatian khusus agar dapat

melakukan lonjakan terakhir untuk mencapai status negara maju yang dicita-citakan. Bidang pendidikan yang perlu diketengahkan tersebut adalah Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).

Semenjak mencapai kemerdekaan 60 tahun yang lalu, sistem PTV di Malaysia telah mengalami pelbagai reformasi dalam menentukan perkembangan potensi individu murid selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sistem pendidikan di Malaysia juga telah berubah dan tidak ketinggalan perubahan yang begitu ketara dalam bidang PTV (Adnan, Hamzah, & Udin, 2010). PTV adalah penting dalam pembangunan sesebuah negara khususnya jika mahu menjadi sebuah negara perindustrian. Ini tidak terkecuali kepada Malaysia yang sedang berusaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Bidang PTV sudah lama bertapak di Malaysia namun tidak dipandang setinggi melangit seperti bidang akademik yang lain yang diberi sepenuh perhatian oleh KPM. Pada asalnya, bidang PTV diperkenalkan pada tahun 1964 iaitu di bawah Jabatan Pengurusan Teknik yang kini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Teknik dan Vokasional (BPTV) Tujuannya adalah menyediakan murid-murid untuk memasuki bidang pekerjaan sebagai satu langkah mempergiatkan lagi usaha kerajaan untuk memajukan bidang ekonomi dalam perindustrian (Dason, Hamzah, & Udin, 2011). Pada suatu ketika dahulu Malaysia menganggap imej Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional (sekarang dikenali sebagai Kolej Vokasional) sebagai sekolah untuk pelajar lelaki nakal, berkelas kedua, berkolar biru, dan sebagainya (Alavi, Md. Sail, & Awang, 2013). Tetapi sekarang, sekolah vokasional dilihat dapat menyediakan pelajar untuk kerjaya masa depan. Persepsi negatif ini telah berubah kerana graduan vokasional yang diupah selepas tamat belajar semakin ramai dan gaji mereka adalah lebih tinggi berbanding graduan akademik (Mohd Don, 2003). Di samping itu, laluan peluang pekerjaan graduan vokasional lebih menyakinkan berbanding laluan pekerjaan graduan akademik.


Namun, di sebalik pelbagai kemajuan dan pencapaian yang telah diperoleh PTV dalam proses reformasinya ke arah mencapai matlamat 2020, pelbagai masalah dan isu telah wujud dan menjadi cabaran kepada pelaksanaan PTV di Malaysia. Antaranya ialah institusi PTV masih dianggap sebagai pendidikan kelas kedua dalam kalangan masyarakat Malaysia, keupayaan kurikulum PTV dalam memenuhi keperluan industri serta pelbagai isu lain yang dilihat sukar untuk ditangani sehingga kini (Basri, 2013).

Masalah dalam Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)

Imej PTV mempunyai kesan signifikan kepada pelajar yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran dalam program vokasional. Ibu-bapa dan kaunselor adalah individu yang bertanggungjawab untuk membimbing dan mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan agar menyambung pelajaran dalam aliran PTV. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyampaikan maklumat tentang pendidikan PTV kepada umum, namun pilihan utama masih lagi pendidikan akademik berbanding pendidikan vokasional (Alavi, Md. Sail, & Awang, 2011)

Guru sekolah berpendapat pelajar yang cemerlang akademik boleh juga memilih pendidikan PTV kerana minat kepada bidang yang ingin diceburi perlu diutamakan berbanding hanya memandang kepada keputusan akademik. Ini kerana sistem pendidikan di sekolah sekarang tidak menggalakkan pelajar memilih bidang yang mereka minati berdasarkan minat dan bakat mereka (Mohd' Zulfadly, Hamzah, Ismail, & Aripin, 2011a). Ini berlaku kerana pihak KPM sebelum ini tidak mengarusperdanakan pendidikan PTV kepada seluruh warga sistem pendidikan menyebabkan guru tidak mengetahui dengan jelas matlamat dan pelaksanaan KPM di peringkat tunjang.

Pihak ibu-bapa pula berpendapat institusi PTV adalah hanya sekolah kemahiran yang dipecahkan kepada dua bahagian iaitu untuk pelajar lemah dan pelajar bijak. Sebagai contoh, aliran Sains Kejuruteraan untuk pelajar bijak dan kelas pertukangan untuk pelajar lemah. Sedangkan kedua-dua aliran ini penting dalam menyediakan peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran berdasarkan minat dan pencapaian akademik (Mohd Zulfadly et al., 2011a). Oleh itu, Pihak KPM perlu memastikan segala agenda pelaksanaan pelan pembangunan dan program pendidikan hendaklah menyeluruh dan sampai ke peringkat sekolah dan jabatan supaya warga sistem pendidikan dapat bertindak selari dengan hasrat dan matlamat KPM. Sehubungan itu, pelan tindakan PPPM 2013-2025 dapat digunakan sebagai senarai semak transformasi yang dilaksanakan oleh KPM terhadap kecemerlangan bidang PTV. Hasil senarai semak ini dapat memberi kesedaran dan panduan kepada pihak yang berkepentingan. Komponen-komponen yang terlibat dalam keberlangsungan PTV ini dapat ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Komponen-komponen dalam Pelaksanaan Pelan Transformasi KPM ke Arah Kecemerlangan Bidang PTV (KPM, 2013).

Melalui senarai semak pelan tindakan PPPM 2013-2025 ini dapat memberi manfaat dan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan terutamanya pelajar, ibu-bapa dan guru, termasuk agensi pendidikan dan sumber tenaga serta badan-badan swasta

supaya lebih memahami hasrat KPM dan bersama-sama berusaha melaksanakan pelan transformasi untuk kecermerlangan bidang PTV.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik. Menurut Abdul Ghafar (2003), kajian tinjauan digunakan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pembolehubah. Data-data diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diedarkan. Kaedah ini sesuai memandangkan kajian ini melibatkan responden yang ramai bagi mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, sikap, dan persepsi sesuatu populasi daripada respons individu yang dijadikan sampel (Creswell, 2005). Dalam soal selidik ini terdapat empat aspek utama yang diutarakan iaitu pengetahuan terhadap PPPM 2013-2025, persepsi terhadap pelaksanaan PPPM 2013-2025, persepsi terhadap perkembangan PTV melalui pelaksanaan PPPM 2013-2025, program-program yang dilakukan KPM dan persepsi terhadap program transformasi PTV yang sedang dilakukan oleh KPM. Soal selidik adalah berbentuk skala Likert lima pemeringkatan bermula dengan "Sangat Tidak Setuju" (1) hingga "Sangat Setuju" (5).

Pengkaji telah memilih Pejabat Pendidikan Daerah dari empat zon utama yang meliputi zon selatan, utara, timur, dan tengah. Di zon selatan, daerah yang terlibat adalah Batu Pahat dan Kluang di Johor manakala di Negeri Sembilan melibatkan Seremban dan Kuala Pilah. Di zon utara melibatkan daerah Alor Setar (Kedah) dan Kangar (Perlis). Empat daerah dipilih dari zon timur meliputi Pasir Puteh dan Bachok di Kelantan, serta Setiu dan Kuala Terengganu di Terengganu. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kuala Selangor pula dipilih di zon tengah. Daerah-daerah ini dipilih bagi mewakili pegawai-pegawai Pendidikan Daerah bagi zon-zon berkaitan. Pengkaji hanya memilih para pegawai kerana mereka maklum dan mengetahui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

(PPPM 2013-2025) serta jabatan ini merupakan salah satu jabatan yang mentadbir hal ehwal pendidikan di bawah KPM.

Populasi bagi kajian ini adalah para pegawai yang berkhidmat di Pejabat Pendidikan Daerah. Populasi ini dipilih kerana pegawai-pegawai yang berkhidmat di Pejabat Pendidikan Daerah adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus hal ehwal pendidikan termasuk pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia.

Bilangan sampel bagi kajian ini adalah seramai 100 orang dan semua sampel dipilih sebagai responden memandangkan jumlah pegawai yang terhad dan setiap individu dalam populasi tidak mempunyai peluang atau kebarangkalian yang sama dalam proses pemilihan sebagai sampel (Othman, 2013). Tambahan lagi, kerana pengkaji percaya responden yang dipilih dapat memberikan maklumat yang diperlukan kerana semua pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah dianggap mengetahui bidang pendidikan teknik dan vokasional yang merupakan anjakan pertama daripada sebelas anjakan yang terdapat dalam PPPM 2013-2025.

Kaedah pensampelan adalah pensampelan bertujuan kerana pemilihan berdasarkan tujuan mendapatkan individu dengan kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji iaitu pegawai yang berkhidmat di Pejabat Pendidikan Daerah.

Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan skor min dan sisihan piawai. Nilai skor min bagi item-item soal selidik dihitung dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0.

Dapatan Kajian

Hasil kajian dijelaskan berdasarkan tiga objektif utama seperti yang dinyatakan. Data dipersembahkan dalam bentuk min dan sisihan piawai dalam jadual. Oleh kerana ujian statistik deskriptif melibatkan penggunaan min, jadual tahap kecenderungan min digunakan bagi membantu intepretasi data yang diperolehi. Jadual 1 menunjukkan maklumat lengkap bagi intepretasi tersebut.

Jadual 1: Jadual Tahap Interpretasi Min
(Adaptasi daripada Mohd Najib, 2003)

Skor Min	Tahap Kecenderungan	Interpretasi
1.00-1.59	Sangat Tidak Setuju	Rendah
1.60-2.59	Tidak Setuju	
2.60-3.59	Kurang Setuju	Sederhana
3.60-4.59	Setuju	Tinggi
4.60-5.00	Sangat Setuju	

Pengetahuan Terhadap PPPM 2013-2025

Jadual 2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai terhadap pengetahuan pegawai pendidikan daerah berkaitan PPPM 2013-2025.

Jadual 2: Skor Min Dan Sisihan Piawai Terhadap
Aspek Pengetahuan Tentang PPPM 2013-2025

No.	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Kecenderungan
S1	memahami aspirasi yang dinyatakan dalam PPPM	4.14	.532	Tinggi
S2	memahami pelan transformasi vokasional yang dimuatkan dalam PPPM	4.11	.567	Tinggi
S3	yakin bahawa matlamat utama yang dinyatakan berjaya mencapai aspirasi PPPM	4.14	.493	Tinggi
S4	menyedari bahawa usaha yang lebih besar perlu diambil bagi merombak sistem PTV sedia ada	4.04	.493	Tinggi
S5	memahami peranan dalam melaksanakan PPPM	4.04	.634	Tinggi
	Purata Keseluruhan	4.09	.544	Tinggi

Purata keseluruhan bagi skor min dari aspek pengetahuan ialah 4.09 dengan nilai sisihan piawainya .544. Item berkaitan kefahaman terhadap PPPM (item S1, S2, dan S3) menunjukkan nilai min yang paling tinggi pada bahagian ini iaitu antara 4.11 – 4.14. Ini menunjukkan bahawa pegawai pendidikan daerah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang PPPM 2013-2025.

Persepsi Terhadap Pelaksanaan PPPM 2013-2025

Jadual 3: Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Persepsi Terhadap Pelaksanaan PPPM 2013-2025

No.	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Kecenderungan
S1	Saya bersetuju dengan aspirasi dalam PPPM	4.25	.557	Tinggi
S2	Saya bersetuju dengan matlamat utama PPPM untuk mentransformasi sistem pendidikan negara	4.21	.608	Tinggi
S3	Saya bersetuju dengan matlamat utama dalam PPPM untuk mentransformasi sistem PTV	4.17	.587	Tinggi
S4	Saya yakin bahawa aspirasi PPPM akan berjaya mentransformasi PTV	4.12	.477	Tinggi
S5	Saya mendapat sokongan yang diperlukan dalam melaksanakan PPPM	4.02	.651	Tinggi
S6	Pelaksanaan PPPM telah memberi hasil yang baik terhadap PTV	4.06	.617	Tinggi
S7	Pelaksanaan PPPM membantu kejayaan program mengarusperdanakan PTV	4.10	.611	Tinggi
S8	Pelaksanaan PPPM mempunyai perancangan semasa dan akan datang untuk PTV	4.02	.55	Tinggi
S9	PPPM berupaya menyediakan ruang kerjaya yang lebih luas kepada aliran PTV	4.02	.470	Tinggi
S10	PPPM berupaya mentransformasi PTV dalam memenuhi permintaan tenaga mahir pada masa depan	4.16	.443	Tinggi

S11	PPPM berupaya membantu PTV dalam meningkatkan kerjasama dengan rakan industry	4.04	.400	Tinggi
S12	PPPM berupaya membuka peluang kepada PTV untuk berkolaborasi dengan sektor swasta melalui pemberian geran dan pinjaman	4.08	.526	Tinggi
S13	PPPM berupaya membantu PTV untuk terus berperanan dengan lebih mampan	4.16	.367	Tinggi
S14	PPPM berupaya menyediakan transformasi laluan PTV supaya lebih menarik minat	4.10	.362	Tinggi
S15	PPPM berupaya memastikan pelajar membuat keputusan yang rasional berkaitan pendidikan dan hala tuju kerjaya sendiri	4.06	.468	Tinggi
Purata Keseluruhan		4.10	.513	Tinggi

Secara umumnya, dapatan menunjukkan bahawa para pegawai bersetuju bahawa pelaksanaan PPPM ini membantu dalam mengarusperdanakan bidang PTV dengan skor min purata 4.10 dan sisihan piawai .513. Walau bagaimanapun, mereka didapati kurang mendapat sokongan yang diperlukan (item S5) kerana item ini menunjukkan min terendah (4.02) dengan sisihan piawai .61. Item S8 dan S9 juga menunjukkan dapatan yang sama. Ini menunjukkan bahawa pegawai-pegawai yang terlibat kurang setuju tentang pencapaian pelaksanaan pelan ini pada masa akan datang. Ini adalah kerana pelaksanaan pelan ini agak baharu yang secara tidak langsung meyebabkan para pegawai ini masih belum yakin sepenuhnya terhadap pelan ini.

Persepsi Terhadap Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Melalui Pelaksanaan PPPM 2013-2025

Berdasarkan Jadual 4, dapat diperhatikan bahawa purata keseluruhan bagi skor min dari aspek keupayaan program yang dilakukan oleh KPM dalam mentransformasi bidang PTV ialah 4.1 dengan sisihan piawai .479. Ini menunjukkan tahap yang tinggi bagi aspek ini.

Jadual 4: Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Persepsi Terhadap Transformasi PTV Melalui Pelaksanaan PPPM 2013-2025

No.	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Kecenderungan
S1	Akses kepada bidang PTV terbuka luas	4.00	.348	Tinggi
S2	Peningkatan kualiti dalam laluan pendidikan terhadap bidang PTV	4.08	.526	Tinggi
S3	Program transformasi PTV menepati aspirasi PPPM	4.10	.461	Tinggi
S4	Transformasi bidang PTV akan berjaya dilaksanakan dengan baik	4.09	.429	Tinggi
S5	Proses pengambilan guru yang sistematik melahirkan pendidik yang berkualiti	4.18	.520	Tinggi
S6	Proses pengambilan kemasukan guru yang sistematik membuka peluang kerjaya guru PTV	4.15	.479	Tinggi
S7	Bidang PTV di negara ini semakin mendapat tempat pilihan pelajar	4.18	0.557	Tinggi
S8	Pihak yang terlibat dalam transformasi PTV mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini	4.02	0.512	Tinggi
	Purata Keseluruhan	4.1	0.479	Tinggi

Pegawai-pegawai pendidikan juga berpendapat bahawa pendidik PTV yang berkualiti (item S5) dan keupayaan PTV menjadi pilihan utama (item S7) dapat diperolehi melalui PPPM ini di mana kedua-dua item ini menunjukkan skor min yang paling tinggi (min = 4.18, sisihan piawai = .520). Walau bagaimanapun, mereka beranggapan ia tidak dapat menjadi akses utama kepada bidang PTV (item S1) kerana item ini memberi min skor terendah dengan nilai 4.00, sisihan piawai .348. Secara keseluruhannya, para pegawai pendidikan daerah berpendapat bahawa program-program yang sedang dilakukan oleh pihak KPM sekarang adalah menepati matlamat dan berada di landasan yang betul untuk mentransformasi bidang PTV.

Perbincangan dan Kesimpulan

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Kementerian Pendidikan Malaysia memperkasa laluan untuk pendidikan vokasional dengan menyediakan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam bidang keusahawanan dan bidang lain yang menuntut kepakaran khusus. Usaha ini dapat dibuktikan dengan kesungguhan kementerian memainkan peranan dalam pembangunan Dasar Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Vokasional termasuk dalam kesebelasan anjakan utama untuk mentransformasi sistem pendidikan negara melalui PPPM 2013-2025.

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan para pegawai pendidikan daerah mengetahui dengan baik tentang isi kandungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Oleh itu, tidaklah menimbulkan permasalahan kepada mereka untuk menyampaikan maklumat yang berkaitan kepada peringkat bawahan seperti sekolah, ibu-bapa dan pihak yang terlibat tentang matlamat dan hasrat yang ingin dicapai oleh KPM melalui PPPM 2013-2025. Para pegawai juga bersetuju dengan kandungan PPPM 2013-2025 dan mereka yakin bahawa matlamat dan aspirasi yang dirancang

dapat dicapai dalam masa yang ditetapkan. Tambahan lagi, mereka percaya bahawa bidang PTV akan berjaya ditransformasikan yang dapat dibuktikan melalui beberapa pelaksanaan PPPM 2013-2025 yang sedang dijalankan dan telah memberi hasil yang positif terhadap bidang PTV.

Di samping itu, perkembangan program-program yang dilakukan oleh KPM melalui PPPM dilihat adalah menepati matlamat dan berada di landasan yang betul untuk mentransformasi bidang PTV. Bidang PTV semakin mendapat tempat dan menjadi pilihan para pelajar untuk menyambung pengajian serta disokong dan didorong oleh ibu-bapa, guru-guru dan para kaunselor sekolah kerana program-program yang dilakukan oleh KPM seperti mempromosi dan memberi pendedahan tentang bidang PTV telah membuka mata dan minda para pemegang taruh yang sebelum ini hanya memandang PTV sebagai bidang pendidikan kelas kedua atau bidang pengajian untuk pelajar yang lemah dalam akademik.

Transformasi PTV melalui peranan KPM dapat membantu membawa hala tuju PTV ke arah bidang pendidikan pilihan dan bertaraf dunia. Peranan KPM secara mendalam terhadap bidang pendidikan PTV ini dapat memberi nafas baharu dan masa depan yang cerah kepada para guru dan pelajar PTV untuk berusaha bersama dengan KPM menjadikan pendidikan PTV cemerlang dan berjaya di Malaysia dan seterusnya bertaraf dunia. Justeru itu, kajian ini telah dilaksanakan untuk mengenal pasti peranan KPM dalam menjamin kecemerlangan pendidikan teknikal dan vokasional. Ianya amat diperlukan supaya matlamat dan tujuan PPPM untuk memperkasa laluan pendidikan teknik dan vokasional dapat direalisasikan dan terlaksana kerana dengan mengetahui peranan KPM ini, individu yang terlibat secara langsung dan berkepentingan dalam transformasi ini akan menyedari betapa pentingnya peranan mereka dalam usaha bersama kementerian melaksanakan pelan PPPM.

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa PPPM 2013-2025 yang diperkenalkan oleh KPM ini merupakan aspirasi, panduan, dan hala tuju pegawai pendidikan dalam mentransformasi dan mengarusperdanakan bidang PTV khasnya serta bidang pendidikan negara yang lain secara amnya. Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh individu yang berkepentingan seperti pelajar, guru-guru, ibu-bapa, agensi-agensi pendidikan, dan sumber tenaga serta badan -badan swasta.

Rujukan

- Abdul Ghafar M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Penerbit UTM.
- Adnan, M. F., Hamzah, R., & Udin, A. (2010). *Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Penerbit UTM.
- Alavi, K., Md. Sail, R., & Awang, A. H. (2011). Work esteem and re-branding of technical education and vocational training from the perspective of parents, teachers and apprentice. *Journal of Technical Education and Training*, 3(2), 1-17.
- Alavi, K., Md. Sail, R., & Awang, A. H. (2013). Image of technical education and vocational training from the perspective of parents and teachers. *Journal of Technical Education and Training*, 5(1), 68-88.
- Basri, S. (2013). *Mengangkat Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Utusan online.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research*. London: SAGE Publication
- Dason, A., Hamzah, R., & Udin, A. (2011). *Hala Tuju Pendidikan Teknik dan Vokasional ke Arah Memartabatkan Falsafah Pendidikan Negara*. Johor: Penerbit UTM
- Emat, Y. (1993). Cabaran dan strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional ke arah mencapai Wawasan 2020. *Jurnal Pendidikan*, 37, 1-13.

- Esa, A., Hassan, R., Hashim, J., & Hadi, M. Y. (2009). Cabaran Pendidikan Teknik & Vokasional (PTV) di Malaysia: Peranan UTHM dalam melahirkan pendidik berketrampilan. *Prosiding Seminar JPPG 2009*. Hotel Impiana Casuarina, Ipoh.
- Jabatan Statistik Organisasi Tenaga Buruh (2009). *Guna Tenaga*. Diambil dari https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/3_Time%20Series/Malaysia_Time_Series_2015/21Guna_Tenaga.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2011). *Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional 2011-2020*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Mohd Don, Z. (2003). *Technical Programme Committee Co-chairs Hsin-Min Wang*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zulfadly O., Hamzah, R., Ismail, S. N., & Aripin, M. A. (2011a). Dua Teras, Satu Destinasi: Pelan Reformasi Strategik PTV ke arah pembangunan sejagat. *Jurnal Teknologi*, 56, 199-117.
- Mohd Zulfadly O., Hamzah, R., Awang Kechik, A., Ghazali, A., & Saud, M. S. (2011b). *Rekabentuk Universal Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Penerbit UTM
- Ordinan Pelajaran. (1957). Diambil dari http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/09DASAR_PENDIDIKAN_KEBAN_GSAAN.pdf
- Othman (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Penerbit UPM, Serdang.
- Yek, L.Y., & Hamzah, R. (2012). Integrasi peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional ke arah memantapkan persiapan kerjaya. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 5, 35-40.